

23 MAY 1997

Anwar-Perwaja

POLIS DAN BPR TERUSKAN SIASAT PERWAJA

SHAH ALAM, 23 Mei (Bernama) -- Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan polis telah diarah meneruskan siasatan terhadap bekas Pengarah Urusan Perwaja Tan Sri Eric Chia berhubung kerugian hampir RM2,900 juta yang dialami syarikat itu, kata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Laporan awal telah disampaikan kepada Perdana Menteri dan Dr Mahathir mengarahkan supaya perkara ini dilanjutkan, diteruskan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa mengenai kesenian dan senibina Islam di Auditorium, Kajian Seni Lukis dan Seni Reka Institut Teknologi MARA di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan penyiasatan itu setelah media melaporkan tiga hari lepas penafian polis dan BPR mengenai penahanan Chia.

Ketika ditanya mengenai pertemuannya dengan para pegawai BPR semalam, Anwar berkata ia tidak ada kaitan dengan siasatan itu.

"BPR jumpa saya dari semasa ke semasa untuk memberikan maklumat dan perbincangan itu lebih banyak mengenai rang undang-undang pindaan kepada Akta Pencegahan Rasuah," katanya.

Mengenai siasatan berhubung tender Telekom Malaysia Berhad kepada Ericsson Telecommunications, Anwar berkata beliau menyerahkan kepada pihak yang menjalankan siasatan untuk memberikan penjelasan.

"Saya dapat dulu hanya maklumat awal yang tidak mensabitkan apa-apa tetapi saya rasa lebih wajar untuk pihak yang dipertanggungjawabkan membuat siasatan untuk memberikan penjelasan," katanya.

Telekom Malaysia dan Bahagian Kontrak di Kementerian Kewangan sebelum ini telah diarah untuk menyiasat dakwaan itu.

Menurut satu laporan akhbar tiga hari lepas, seorang pegawai kanan Ericsson menyatakan bahawa syarikat itu telah "dibebaskan" daripada segala dakwaan penyelewengan berhubung pemberian kontrak itu.

Ketika ditanya mengenai kenyataan syarikat itu, Anwar berkata ia bebas untuk membuat apa jua kenyataan.

"Dia bebas untuk membuat kenyataan tetapi kenyataan rasmi akan dibuat oleh pihak yang dipertanggungjawabkan," katanya.

-- BERNAMA

AZZ AHH